

**TAHAP PENGETAHUAN KAUNSELOR PELATIH TERHADAP  
ETIKA KAUNSELING**

**NURUL HASYIMAH BINTI MAT RANI**

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk  
Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian  
(Kaunseling)

Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia  
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK  
2006

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL : \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

SESI PENGAJIAN : \_\_\_\_\_

Saya \_\_\_\_\_  
(HURUF BESAR)

mengaku membenarkan tesis \* ini disimpan di Pusat Khidmat Maklumat Akademik,  
Universiti Malaysia Sarawak dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sarawak
2. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja
3. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat pendigitan untuk membangunkan Pangkalan Data Kandungan Tempatan
4. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi
5. \*\* sila tandakan ( √ )

SULIT (Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan seperti termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD (Mengandungi maklumat Terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

\_\_\_\_\_  
(TANDATANGAN PENULIS)

\_\_\_\_\_  
(TANDATANGAN PENYELIA)

Alamat Tetap:  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

Tarikh : \_\_\_\_\_

Tarikh: \_\_\_\_\_

Projek bertajuk 'Tahap Pengetahuan Kaunselor Pelatih Terhadap Etika Kaunseling' telah disediakan oleh Nurul Hasyimah Binti Mat Rani dan telah diserahkan kepada Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian (Kaunseling).

Diterima untuk diperiksa oleh:

-----  
Prof. Madya Zuraidah Abdul Rahman

Tarikh:

-----

## PENGHARGAAN/ACKNOWLEDGEMENT

Bersyukur saya ke hadrat ilahi kerana dengan limpah kurnia-NYA saya berjaya menyiapkan projek tahun akhir ini mengikut masa yang ditetapkan. Jutaan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada penyelia projek tahun akhir saya iaitu Prof. Madya Zuraidah Abdul Rahman di atas segala bimbingan, tunjuk ajar, nasihat serta masa yang banyak dihabiskan dalam memberi panduan kepada saya sepanjang menyiapkan projek tahun akhir ini.

Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih kepada pelajar- pelajar kaunseling Universiti Malaysia Sarawak kerana memberikan kerjasama yang sangat baik di dalam menjawab borang soal selidik yang telah diedarkan dan memberikan sokongan sepenuhnya kepada saya dalam menyiapkan projek tahun akhir ini.

Sekalung penghargaan juga ditujukan khas kepada kedua ibu bapa saya, Puan Zabidah Binti Awang dan Encik Mat Rani Bin Awang kerana sentiasa memberikan sokongan dan dorongan sepanjang menyiapkan kajian ini.

Ucapan terima kasih juga kepada tenaga pengajar di Jabatan Kaunseling Universiti Malaysia Sarawak kerana tidak putus asa memberikan tunjuk ajar dan dorongan kepada saya dalam menyiapkan projek tahun akhir ini.

Kepada rakan-rakan seperjuangan sekalian serta kepada individu yang terlibat secara langsung dan tidak langsung, sokongan, sumbangan dan kritikan kalian memberikan nafas baru kepada saya dalam menyiapkan projek tahun akhir ini.

Sekian, terima kasih.

## JADUAL KANDUNGAN/ *TABLE OF CONTENTS*

**Penghargaan/ *Acknowledgement***  
**Jadual Kandungan/ *Table of Contents***  
**Senarai Rajah/ *List of Figures***  
**Senarai Jadual/ *List of Tables***  
**Abstrak/ *Abstract***

<b>1. Pendahuluan</b>	
1.0 Pengenalan	1
1.1 Latar Belakang Kajian	2
1.2 Kenyataan Masalah	9
1.3 Kepentingan Kajian	10
1.4 Objektif Kajian	11
1.4.1 Objektif Umum	11
1.4.2 Objektif Khusus	11
1.5 Hipotesis Kajian	12
1.6 Kerangka Konseptual	13
1.7 Definisi Konsep dan Operasi	14
1.7.1 Kaunseling	14
1.7.2 Kod Etika	15
1.7.3 Kerahsiaan	16
1.7.4 Persetujuan Pemberitahuan	17
1.7.5 Hubungan Dua Hala	18
1.7.6 Klien	19
1.7.7 Pengetahuan	20
1.8 Limitasi Kajian	21
1.8.1 Pemilihan Populasi	21
1.8.2 Kejujuran Responden	21
1.8.3 Pemboleh Ubah Bersandar	22
1.8.4 Kebolehpercayaan orang Soal Selidik	22
<b>2. Sorotan Kajian Lepas</b>	
2.0 Pengenalan	23
2.1 Etika Kerahsiaan	30
2.2 Etika Persetujuan Pemberitahuan	33
2.3 Etika Hubungan Dua Hala	36
2.4 Etnik Mempengaruhi Etika	38
2.5 Tahun Pengetahuan Mempengaruhi Etika	38

<b>3. Metodologi Kajian</b>	
3.0 Pengenalan	39
3.1 Rekabentuk Kajian	40
3.2 Responden Kajian	40
3.3 Populasi Kajian	41
3.4 Kaedah Pengumpulan Data	41
3.4.1 Data Primer	41
3.4.2 Data Sekunder	42
3.5 Instrumentasi Kajian	43
3.6 Prosedur Penganalisaan	45
3.6.1 Statistik Deskriptif dan Statistik Inferensi	45
3.6.2 Pengukuran Tahap Pengetahuan Etika Kaunseling	46
3.6.2.1 Skala pengukuran tahap pengetahuan kaunselor pelatih dari segi etika kerahsiaan	47
3.6.2.2 Skala pengukuran tahap pengetahuan kaunselor pelatih dari segi etika persetujuan pemberitahuan	49
3.6.2.3 Skala pengukuran tahap pengetahuan kaunselor pelatih dari segi etika hubungan dua hala	51
3.6.2.4 Skala pengukuran tahap pengetahuan kaunselor pelatih dari segi etika kaunseling	53
<b>4. Hasil Dapatan dan Perbincangan</b>	
4.0 Pengenalan	55
4.1 Penganalisaan Taburan Demografi	56
4.1.1 Etnik	56
4.1.2 Tahun Pengajian	57
4.2 Peratusan Bahagian B: Pengetahuan Kaunselor Pelatih terhadap Etika Kaunseling	58
4.2.1 Pengetahuan Kaunselor Pelatih Terhadap Etika Kerahsiaan	58
4.2.2 Pengetahuan Kaunselor Pelatih Terhadap Etika Persetujuan Pemberitahuan	61
4.2.3 Pengetahuan Kaunselor Pelatih Terhadap Etika Hubungan Dua Hala	64
4.2.4 Perbincangan Peratusan Rendah	66
4.3 Tahap Pengetahuan Kaunselor Pelatih Dari Segi Etika Kaunseling	68
4.3.1 Tahap Pengetahuan Kaunselor Pelatih Dari Segi Etika Kerahsiaan	70
4.3.2 Tahap Pengetahuan Kaunselor Pelatih Dari Segi Etika Persetujuan Pemberitahuan	74
4.3.3 Tahap Pengetahuan Kaunselor Pelatih Dari Segi Etika Hubungan Dua Hala	76

4.4 Tahap Pengetahuan Kaunselor Pelatih Dari Segi Etika Kaunseling Berdasarkan Etnik	79
4.4.1 Tahap Pengetahuan Kaunselor Pelatih Dari Segi Etika Kerahsiaan Berdasarkan Etnik	79
4.4.2 Tahap Pengetahuan Kaunselor Pelatih Dari Segi Etika Persetujuan Pemberitahuan Berdasarkan Etnik	80
4.4.3 Tahap Pengetahuan Kaunselor Pelatih Dari Segi Etika Hubungan Dua Hala Berdasarkan Etnik	81
4.4.4 Tahap Pengetahuan Kaunselor Pelatih Dari Segi Etika Kaunseling Berdasarkan Etnik Responden	82
4.5 Tahap Pengetahuan Kaunselor Pelatih Dari Segi Etika Kaunseling Berdasarkan Tahun Pengajian	83
4.5.1 Tahap Pengetahuan Kaunselor Pelatih Dari Segi Etika Kerahsiaan Berdasarkan Tahun Pengajian	83
4.5.2 Tahap Pengetahuan Kaunselor Pelatih Dari Segi Etika Persetujuan Pemberitahuan Berdasarkan Tahun Pengajian	84
4.5.3 Tahap Pengetahuan Kaunselor Pelatih Dari Segi Etika Hubungan Dua Hala Berdasarkan Tahun Pengajian	85
4.5.4 Tahap Pengetahuan Kaunselor Pelatih Dari Segi Etika Kaunseling Berdasarkan Tahun Pengajian	86
4.6 Hasil Dapatan Hipotesis	87
4.6.1 Perbezaan antara faktor demografi etnik dengan pengetahuan kaunselor pelatih terhadap etika kerahsiaan	88
4.6.2 Perbezaan antara faktor demografi etnik dengan pengetahuan kaunselor pelatih terhadap etika persetujuan pemberitahuan	89
4.6.3 Perbezaan antara faktor demografi etnik dengan pengetahuan kaunselor terhadap etika hubungan dua hala.	90
4.6.4 Perbezaan antara faktor demografi tahun pengajian dengan pengetahuan kaunselor pelatih terhadap etika kerahsiaan	92
4.6.5 Perbezaan antara faktor demografi tahun pengajian dengan pengetahuan kaunselor pelatih terhadap etika persetujuan pemberitahuan.	93
4.6.6 Perbezaan antara faktor demografi tahun pengajian dengan pengetahuan kaunselor pelatih terhadap etika hubungan dua hala	94

4.6.7	Ringkasan Dapatan Hipotesis	96
4.7	Hasil Dapatan Bahagian C: Soalan Terbuka	97
4.7.1	Respon Soalan Terbuka: Soalan 1 ( Fungsi Etika Kaunseling)	98
4.7.2	Respond Soalan Terbuka: Soalan 2 (Aspek Etika Yang Penting Dalam Profesion Kauseling)	101
<b>5</b>	<b>Rumusan, Kesimpulan dan Cadangan</b>	
5.0	Pengenalan	102
5.1	Rumusan Kajian	103
5.2	Limitasi Kajian	106
5.3	Implikasi Kajian	108
5.4	Cadangan	109
5.4.1	Cadangan Kepada Lembaga Kaunselor Malaysia	109
5.4.2	Cadangan Kepada Pengkaji Akan Datang	110
5.5	Kesimpulan Kajian	112
	<b>RUJUKAN/ REFERENCES</b>	113
	<b>LAMPIRAN A</b>	
	<b>LAMPIRAN B</b>	
	<b>LAMPIRAN C</b>	



SENARAI RAJAH/ *LIST OF FIGURES*

**Rajah 1**  
Kerangka Konseptual Kajian

13

## SENARAI JADUAL/ *LIST OF TABLES*

<b>Jadual 1</b> 703 Kategori Permasalahan Etika	29
<b>Jadual 2</b> Skala Pengukuran Berdasarkan Min Skor Bagi Tahap Pengetahuan Kaunselor Pelatih Terhadap Etika Kerahsiaan	48
<b>Jadual 3</b> Skala Pengukuran Berdasarkan Min Skor Bagi Tahap Pengetahuan Kaunselor Pelatih Terhadap Etika Persetujuan Pemberitahuan	50
<b>Jadual 4</b> Skala Pengukuran Berdasarkan Min Skor Bagi Tahap Pengetahuan Kaunselor Pelatih Terhadap Etika Hubungan Dua Hala	52
<b>Jadual 5</b> Skala Pengukuran Berdasarkan Min Skor Bagi Tahap Pengetahuan Kaunselor Pelatih Terhadap Etika Kaunseling	54
<b>Jadual 6</b> Taburan Responden Berdasarkan Etnik	56
<b>Jadual 7</b> Taburan Responden Berdasarkan Etnik	57
<b>Jadual 8</b> Pengetahuan Kaunselor Pelatih Terhadap Etika Kerahsiaan	58
<b>Jadual 9</b> Pengetahuan Kaunselor Pelatih Terhadap Etika Persetujuan Pemberitahuan	61
<b>Jadual 10</b> Pengetahuan Kaunselor Pelatih Terhadap Etika Hubungan Dua Hala	64
<b>Jadual 11</b> Peratusan Tahap Pengetahuan Etika Yang Rendah	66
<b>Jadual 12</b> Tahap Pengetahuan Kaunselor Pelatih Dari Segi Etika Kaunseling	68

<b>Jadual 13</b>	
Tahap Pengetahuan Kaunselor Pelatih Dari Segi Etika Kerahsiaan	70
<b>Jadual 14</b>	
Tahap Pengetahuan Kaunselor Pelatih Dari Segi Etika Persetujuan Pemberitahuan	74
<b>Jadual 15</b>	
Tahap Pengetahuan Kaunselor Pelatih Dari Segi Etika Hubungan Dua Hala	76
<b>Jadual 16</b>	
Tahap Pengetahuan Kaunselor Pelatih Dari Segi Etika Kerahsiaan Berdasarkan Etnik Responden	79
<b>Jadual 17</b>	
Tahap Pengetahuan Kaunselor Pelatih Dari Segi Etika Persetujuan Pemberitahuan Berdasarkan Etnik Responden	80
<b>Jadual 18</b>	
Tahap Pengetahuan Kaunselor Pelatih Dari Segi Etika Hubungan Dua Hala Berdasarkan Etnik Responden	81
<b>Jadual 19</b>	
Tahap Pengetahuan Kaunselor Pelatih Dari Segi Etika Kaunseling Berdasarkan Etnik Responden	82
<b>Jadual 20</b>	
Tahap Pengetahuan Kaunselor Pelatih Dari Segi Etika Kerahsiaan Berdasarkan Tahun Pengajian Responden	83
<b>Jadual 21</b>	
Tahap Pengetahuan Kaunselor Pelatih Dari Segi Etika Persetujuan Pemberitahuan Berdasarkan Tahun Pengajian Responden	84
<b>Jadual 22</b>	
Tahap Pengetahuan Kaunselor Pelatih Dari Segi Etika Hubungan Dua Hala Berdasarkan Tahun Pengajian Responden	85
<b>Jadual 23</b>	
Tahap Pengetahuan Kaunselor Pelatih Dari Segi Etika Kaunseling Berdasarkan Tahun Pengajian Responden	86

<b>Jadual 24</b> Keputusan Ujian-T Bagi Mengenalpasti Perbezaan Tahap Pengetahuan Kaunselor Pelatih terhadap Etika Kerahsiaan	88
<b>Jadual 25</b> Keputusan Ujian-T Bagi Mengenalpasti Perbezaan Tahap Pengetahuan Kaunselor Pelatih terhadap Etika Persetujuan Pemberitahuan	89
<b>Jadual 26</b> Keputusan Ujian-T Bagi Mengenalpasti Perbezaan Tahap Pengetahuan Kaunselor Pelatih terhadap Etika Hubungan Dua Hala	90
<b>Jadual 27</b> Keputusan Ujian <i>Oneway</i> ANOVA Bagi Mengenalpasti Perbezaan Tahap Pengetahuan Kaunselor Pelatih terhadap Etika Kerahsiaan	92
<b>Jadual 28</b> Keputusan Ujian <i>Oneway</i> ANOVA Bagi Mengenalpasti Perbezaan Tahap Pengetahuan Kaunselor Pelatih terhadap Etika Persetujuan Pemberitahuan	93
<b>Jadual 29</b> Keputusan Ujian <i>Oneway</i> ANOVA Bagi Mengenalpasti Perbezaan Tahap Pengetahuan Kaunselor Pelatih terhadap Etika Hubungan Dua Hala	94
<b>Jadual 30</b> Hasil Dapatan Hipotesis	96
<b>Jadual 31</b> Fungsi Etika Kaunseling	98
<b>Jadual 32</b> Aspek Etika Yang Penting Dalam Profesion Kaunseling	101

## ABSTRAK

### TAHAP PENGETAHUAN KAUNSELOR PELATIH TERHADAP ETIKA KAUNSELING

Nurul Hasyimah Binti Mat Rani (2006)

Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti tahap pengetahuan kaunselor pelatih di Universiti Malaysia Sarawak terhadap etika kaunseling. Aspek etika yang dikaji merangkumi etika kerahsiaan, etika persetujuan pemberitahuan dan etika hubungan dua hala. Kajian ini juga dijalankan untuk mengenalpasti perbezaan antara faktor demografi etnik dan tahun pengajian kaunselor pelatih terhadap etika kaunseling. Kajian ini berbentuk kajian kuantitatif yang menggunakan kaedah survey. Borang soal selidik telah diedarkan kepada kaunselor pelatih di Universiti Malaysia Sarawak seramai 122 orang bagi kaunselor pelatih yang telah mengikuti Kursus Etika Kaunseling. Borang soal selidik tersebut dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu bahagian A: Latar belakang responden, B: Etika kaunseling dan C: Fungsi dan aspek etika yang penting dalam profesion kaunseling. Kaedah statistik yang digunakan iaitu statistik deskriptif, statistik inferensi (ujian-t dan ujian *Oneway ANOVA*) dan tahap pengetahuan kaunselor pelatih terhadap etika kaunseling. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap pengetahuan kaunselor pelatih terhadap etika kaunseling di Universiti Malaysia Sarawak adalah tinggi. Tidak terdapat perbezaan antara faktor demografi etnik dengan tahap pengetahuan kaunselor pelatih terhadap etika kerahsiaan, etika persetujuan pemberitahuan dan etika hubungan dua hala. Dapatan juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan antara faktor demografi tahun pengajian dengan etika kerahsiaan dan etika persetujuan pemberitahuan tetapi terdapat perbezaan antara faktor demografi tahun pengajian dengan tahap pengetahuan etika hubungan dua hala.

## ABSTRACT

### *THE LEVEL OF KNOWLEDGE OF TRAINEE COUNSELLORS TOWARDS COUNSELLING ETHICS*

Nurul Hasyimah Binti Mat Rani (2006)

*The objective of this study is to determine the level of knowledge of trainee counsellors towards counselling ethics in Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS). The ethical aspects included in this paper are confidentiality, informed consent and dual relationship. This study is also carried out to determine the difference between demography factors (ethnic and year of study) on counselling ethics. This is a quantitative study carried out using survey method. Questionnaires were given to all trainee counsellors in UNIMAS who have taken counselling ethics course. The total number of students taking this course is 122. The questionnaire is divided into three parts, part A: respondent background, part B: counselling ethics and part C: ethical aspects and functions that are important in counselling profession. Statistical method used in this study is descriptive statistics, inferency statistics (t-test and Oneway ANOVA) and level of knowledge in counselling ethics. Result after survey shows that trainee counsellors' level of knowledge in counselling ethics in UNIMAS is high. There is no difference between demography factor (ethnic) with trainee counsellors' level of knowledge towards ethics in confidentiality, informed consent and dual relationship. There are also no difference between demography factor (year of study) with confidentiality and informed consent but there is a difference between year of study and dual relationship.*

# **BAB SATU**

## **PENDAHULUAN**

### **1.0 Pengenalan**

Setiap profesion mempunyai etika tertentu yang perlu dipatuhi oleh pengamalnya yang menjadikan profesion tersebut profesional. Etika profesional adalah norma, nilai dan prinsip yang mengawal sesuatu perlakuan pengamal profesional (Strike & Ternasky, 1993, dalam Nisbett, Nancy, Brown- Welty, Sharon, O'Keefe & Cathy, 2002). Kornblau dan Starling, 2000 (dalam Nisbett, Nancy, Brown- Welty, Sharon, O'Keefe & Cathy, 2002) menyatakan bahawa prinsip- prinsip ini memandu kelakuan ahli- ahli yang terlibat dalam profesion ini dalam hubungan yang antara satu sama lain, klien, pekerja dan masyarakat.

Menurut Muhd Mansur Abdullah, 1997 (dalam Muhd. Mansur Abdullah & S. Nordinar Mohd. Tamin, 2003) kaunselor yang profesional melakukan kerjanya dengan kesedaran sendiri melalui pelajaran dan pendidikan serta pengalaman yang ada pada dirinya. Tugas sebagai kaunselor adalah sesuatu khidmat profesional yang berbayar dan bukannya perkhidmatan sukarela. Sehubungan dengan itu, seorang kaunselor yang profesional mestilah mendapat latihan yang khusus untuk memastikan kepakarannya dalam menjalankan amalan kaunseling pada masa depan dan mempunyai tahap pengetahuan yang mendalam berkaitan etika kaunseling untuk menjamin para kaunselor agar tidak terlibat dengan permasalahan berkaitan etika pada masa akan datang.

## **1.1 Latar Belakang Kajian**

Menurut Muhd. Mansur Abdullah dan S. Nordinar Mohd. Tamin (2003) kaunseling telah wujud secara tidak formal di Malaysia sejak Malaysia masih dikenali sebagai Tanah Melayu lagi. Minat terhadap bidang bimbingan dan kaunseling telah wujud sejak tahun 1939 dengan adanya tindakan daripada Jabatan Pelajaran Negeri- Negeri Selat dan Negeri- Negeri Melayu Bersekutu mengeluarkan buku yang bertajuk *A Guide to Careers in Malaya for Parents, Teachers and Pupils*. Buku ini mengandungi maklumat berkaitan analisis kerjaya yang terdapat dalam jabatan kerajaan pada waktu tersebut (Muhd. Mansur Abdullah & S. Nordinar Mohd. Tamin, 2003). Apabila Perang Dunia kedua tamat, bidang bimbingan vokasional



semakin berkembang. Pada tahun 1959 Kementerian Buruh telah menubuhkan Perkhidmatan Pekerjaan Belia dalam Jabatan- Jabatan Buruh Negeri (Muhd. Mansur Abdullah & S. Nordinar Mohd. Tamin, 2003).

Pada tahun 1960 terdapat surat pekeliling berkaitan dengan bimbingan dan kaunseling yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran. Pekeliling ini membincangkan tentang kepentingan bimbingan dan vokasional di sekolah- sekolah. Selain itu, pekeliling ini menerangkan tentang keperluan seorang guru kerjaya di sekolah menengah (Muhd. Mansur Abdullah & S. Nordinar Mohd. Tamin, 2003).

Pada tahun 1961 buku bertajuk *Handbook Facilities in the Federation of Malaya* telah dikeluarkan oleh Kementerian Buruh. Buku ini menerangkan panduan kerjaya dan pekerjaan serta pandangan terhadap sesuatu bidang kerjaya khususnya bagi bidang vokasional (Muhd. Mansur Abdullah & S. Nordinar Mohd. Tamin, 2003). Sehubungan dengan itu, Jawatankuasa Penyelaras Bimbingan dan Vokasional telah ditubuhkan. Jawatankuasa ini diwakili oleh Kementerian Pelajaran. Persetujuan telah dibuat untuk mendapatkan khidmat pakar perundingan dari luar negara bagi membantu perkembangan bimbingan dan vokasional (Muhd. Mansur Abdullah & S. Nordinar Mohd. Tamin, 2003).

Pada tahun 1962 seorang pakar perunding daripada Kanada, R.K. MacKenzie ditugaskan untuk menyiasat dan melatih para pegawai kerajaan dalam hal- hal bimbingan (Muhd. Mansur, 1983, dalam Muhd. Mansur Abdullah & S. Nordinar Mohd. Tamin, 2003). Beliau telah menjalankan kajian dan latihan di Malaysia dan berpusat di Maktab Perguruan Ilmu Khas, Cheras. Buku *Perkhidmatan dan Panduan*

*di Sekolah* telah diterbitkan oleh Kementerian Pelajaran dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka hasil daripada kajian dan laporan tersebut. Dua tahun kemudiannya, buku panduan ini telah diterbitkan dalam edisi Bahasa Inggeris dengan tajuk *Guidance Services in Schools* (Muhd. Mansur Abdullah & S. Nordinar Mohd. Tamin, 2003).

Seterusnya sejak tahun 1964 beberapa surat pekeliling dikeluarkan bagi melaksanakan dasar permulaan kelas bimbingan dan panduan kerjaya di sekolah-sekolah (Muhd. Mansur Abdullah & S. Nordinar Mohd. Tamin, 2003). Pada tahun 1968 Kementerian menubuhkan Unit Panduan Pelajaran dan Kerjaya yang dikendalikan oleh Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pelajaran dan kemudiannya dipindahkan ke Bahagian Sekolah- Sekolah kerana tidak berjalan lancar dan tidak berkesan (Muhd. Mansur Abdullah & S. Nordinar Mohd. Tamin, 2003).

Kementerian Pelajaran Malaysia dengan kerjasama UNICEF telah menjalankan kursus dalam perkhidmatan pada tahun 1969. Kursus ini berlangsung selama 6 hari dan dijalankan kepada 275 orang guru yang terpilih. Rentetan daripada kursus ini, pada tahun 1970 Kementerian Pelajaran dengan kerjasama Sekolah Menengah Bukit Bintang, Petaling Jaya sekali lagi menjalankan seminar panduan pelajaran dan kerjaya (Muhd. Mansur Abdullah & S. Nordinar Mohd. Tamin, 2003).

Menurut Muhd. Mansur Abdullah dan S. Nordinar Mohd. Tamin (2003) pada tahun 1973 sebuah persatuan yang diberi nama Persatuan Bimbingan Vokasional Malaysia (MAVOGA) telah ditubuhkan. Persatuan ini dipengerusikan oleh Datuk Yeap Kee Aik. Persatuan ini membimbing pelajar- pelajar dalam mencari pekerjaan

dan kerjaya yang sesuai serta membimbing mereka dalam hal- hal berkaitan dengan vokasional. Seterusnya pada tahun 1979 Persatuan Kaunselor Malaysia (PERKAMA) telah ditubuhkan dan berpusat di Institut Teknologi Mara, Shah Alam. Pada tahun 1983 Pekeliling Pentadbiran No: 3/67 dikeluarkan dan hasilnya Kementerian Pelajaran membekalkan guru panduan kerjaya di setiap sekolah menengah (Muhd. Mansur Abdullah & S. Nordinar Mohd. Tamin, 2003).

Sehubungan dengan perkembangan ini, beberapa institusi pengajian tinggi mula menawarkan Kursus Kaunseling seperti Maktab Perguruan Ilmu Khas yang menawarkan kursus bertaraf sijil kepada guru di sekolah yang mengambil masa selama setahun. Universiti Kebangsaan Malaysia pula menawarkan Kursus Kaunseling di peringkat Diploma manakala Universiti Putra Malaysia menawarkan Kursus Kaunseling di peringkat Ijazah. Seterusnya diikuti oleh Universiti Malaya, Universiti Sains Malaysia dan Universiti Teknologi Malaysia (Muhd. Mansur Abdullah & S. Nordinar Mohd. Tamin, 2003).

Program Kaunseling telah dipelkenalkan di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) pada tahun 1997 (Mohd. Razali Othman, 2005). Pada mulanya perancangan program kaunseling di UNIMAS adalah berdasarkan dasar berkomputer tetapi konsep ini tidak dapat dilaksanakan kerana program kaunseling diselia oleh Lembaga Kaunselor Malaysia. Menurut Akta Kaunselor 1998 (Akta 580) salah satu daripada fungsi Lembaga Kaunselor adalah mengawalselia latihan kaunselor dan menentukan jenis dan tahap pendidikan kaunseling yang akan diadakan di Malaysia. Pada tahun 1998 Mohd Razali Othman dan Sabasiah Hussin dipertanggungjawabkan

untuk menentukan konsep Kursus Kaunseling di UNIMAS. Mereka adalah pengasas Program Kaunseling di UNIMAS dan pensyarah yang bertanggungjawab dalam membentuk Program Kaunseling di UNIMAS. Setelah beberapa kajian dijalankan, konsep Kaunseling Organisasi telah dipilih sebagai konsep bagi Kursus Kaunseling di UNIMAS. (Mohd. Razali Othman, 2005). Jumlah pengambilan kumpulan pelajar pertama Program Kaunseling Organisasi UNIMAS adalah 28 orang dan setelah 5 orang pelajar menarik diri, jumlah keseluruhan adalah 23 orang. Pada permulaannya, Kursus Etika Kaunseling tidak dimasukkan dalam silibus Program Kaunseling Organisasi kerana bagi pengasas program ini, Kursus Etika Kaunseling tidak perlu diwujudkan kerana kursus ini adalah kursus yang merentasi kurikulum dan perlu diberi penekanan dalam setiap kursus- kursus teras Program Kaunseling (Mohd. Razali Othman, 2005).

Pada tahun 2003 Lembaga Kaunselor Malaysia telah menyelia Program Kaunseling Organisasi di UNIMAS dan memeriksa silibus Program Kaunseling Organisasi di UNIMAS (Mohd. Razali Othman, 2005). Sehubungan dengan itu, Program Kaunseling Organisasi di UNIMAS telah diiktiraf oleh Lembaga Kaunselor Malaysia pada tahun 2003 dan telah ditukar nama kepada Program Kaunseling. Kursus Etika Kaunseling dimasukkan ke dalam silibus Program Kaunseling sebagai salah satu kursus teras dan wajib dipelajari oleh semua kaunselor pelatih di UNIMAS (Mohd. Razali Othman, 2005). Seterusnya, pada tahun 2004 Program Kaunseling di UNIMAS telah mendapat pengiktirafan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (Mohd. Razali Othman, 2005).

Kod Etika merangkumi etika perlakuan yang standard mengenai tatalaku yang sesuai dengan kedudukan dan identiti sebagai seorang kaunselor (Kod Etika Kaunselor, 1994). Terdapat garis-garis panduan tertentu dalam etika kaunseling iaitu Akta Kaunselor 1998, Kod Etika Kaunselor (1994), *Ethics and Standards of Practice of The American Counseling Association, 1995* (ACA) dan *Ethical Principles of the American Psychological Association, 1992* (APA) yang menjadi rujukan kepada para kaunselor. Menurut Kod Etika Kaunselor (1994) etika menggariskan piawaian perlakuan dalam menjalin perhubungan profesional dengan klien, rakan-rakan kaunselor, majikan, individu dan profesion lain serta masyarakat keseluruhannya. Daripada maksud ini dapat disimpulkan bahawa etika berperanan untuk mengelakkan kaunselor menyalah gunakan kuasa sebagai kaunselor dan mengambil kesempatan ke atas kliennya serta melindungi kaunselor daripada permasalahan etika yang berlaku.

Kajian ini merangkumi tiga aspek etika kaunseling iaitu etika kerahsiaan (*confidentiality*), persetujuan pemberitahuan (*informed consent*) dan hubungan dua hala (*dual relationship*).

Etika kerahsiaan penting kerana menurut Corey (2001), kerahsiaan adalah perkara yang perlu diutamakan dalam membina kepercayaan klien dalam hubungan antara klien dan kaunselor. Selain itu juga, etika kerahsiaan melindungi klien daripada kaunselor yang ingin mendedahkan maklumat yang diberitahu oleh klien dalam sesi tanpa kebenaran dan persetujuan klien. Kaunselor juga bertanggungjawab untuk memaklumkan kepada klien tentang etika kerahsiaan pada awal sesi.

Tanggungjawab utama kaunselor adalah untuk melindungi klien dan maklumat yang diberikan oleh klien di dalam sesi kaunseling (Corey, 2001).

Persetujuan pemberitahuan bertindak sebagai kontrak yang dibuat antara kaunselor untuk melindungi hak klien dan kaunselor sepanjang sesi kaunseling dijalankan seterusnya sebagai maklumat penting apabila berlakunya permasalahan etika pada masa akan datang. Corey (2001) menyatakan bahawa persetujuan pemberitahuan merangkumi matlamat sesi kaunseling, tanggungjawab kaunselor terhadap klien, tanggungjawab klien, limitasi kerahsiaan, etika dan peraturan hubungan antara kaunselor dan klien, bayaran sesi, kelayakan kaunselor, jangkamasa sesi dan jangkaan klien terhadap sesi yang dijalankan

Aspek ketiga yang dikaji oleh pengkaji ialah etika hubungan dua hala. Corey (2001) menyatakan bahawa hubungan dua hala berlaku apabila seseorang kaunselor menjalankan dua atau lebih fungsi dengan klien. Sebagai contoh kaunselor menjalankan dua fungsi sebagai pensyarah dan kaunselor kepada seorang klien. Friedman (2000) mendefinisikan hubungan dua hala sebagai hubungan yang wujud apabila ahli terapi menjalankan sekurang-kurangnya satu hubungan tambahan dengan klien yang sama. Biasanya hubungan tambahan yang wujud adalah dari segi sosial, kewangan, profesional dan kemudiannya mempengaruhi hubungan terapeutik antara kaunselor dan klien.

## **1.2 Kenyataan Masalah**

Kaunseling ialah suatu proses perhubungan menolong yang sistematik berasaskan prinsip psikologi yang dilakukan oleh kaunselor profesional bagi menghasilkan perubahan, perkembangan dan penyesuaian peribadi klien yang baik dan menyeluruh secara sukarela sepanjang hayat berlandaskan etika kaunseling (PERKAMA).

Pengkaji menjalankan kajian ini kerana sedar bahawa sebagai seorang kaunselor pelatih dan pelapis bagi generasi kaunselor seterusnya adalah perlu untuk kaunselor pelatih mempunyai pengetahuan yang mendalam tentang etika kaunseling agar mereka sentiasa berjaga-jaga dalam menempuh kerjaya sebagai kaunselor pada masa akan datang dan mengelak mereka daripada terlibat dengan permasalahan-permasalahan etika pada masa akan datang. Menurut Wagner (1981) masalah etika yang wujud ketika dalam latihan mempengaruhi amalan etika kaunselor pada masa akan datang. Oleh itu, adalah penting bagi seorang kaunselor pelatih untuk mempunyai pengetahuan mendalam tentang etika kaunseling agar tidak terlibat dalam masalah etika pada masa akan datang. Kajian ini adalah untuk menjawab persoalan mengenai tahap pengetahuan kaunselor pelatih terhadap etika kaunseling. Terdapat tiga elemen penting dalam etika kaunseling yang dititik beratkan iaitu etika kerahsiaan, etika persetujuan pemberitahuan dan etika hubungan dua hala.

### **1.3 Kepentingan Kajian**

Kajian ini penting untuk mengetahui tahap pengetahuan kaunselor pelatih terhadap etika kaunseling khususnya etika kerahsiaan, persetujuan pemberitahuan dan hubungan dua hala. Pendedahan tentang tahap pengetahuan kaunselor pelatih tentang etika boleh menyedarkan mereka agar melakukan perubahan bagi membantu diri mereka untuk meningkatkan lagi pengetahuan terhadap etika kaunseling khususnya etika kerahsiaan, persetujuan pemberitahuan dan hubungan dua hala. Melalui kajian ini juga, ia dapat memberi penekanan kepada kaunselor pelatih terhadap kepentingan etika dalam amalan sebagai kaunselor pada masa akan datang.

Kajian ini dapat memberi maklumat kepada program kaunseling di UNIMAS tentang tahap pengetahuan kaunselor pelatih terhadap etika kaunseling khususnya kerahsiaan, persetujuan pemberitahuan dan hubungan dua hala. Maklumat tersebut penting bagi meningkatkan lagi cara penyampaian dan pengajaran pensyarah-pensyarah kaunseling terhadap kaunselor pelatih bagi Kursus Etika Kaunseling di UNIMAS.

Kajian ini juga dapat memberikan pendedahan dan kesedaran kepada masyarakat bahawa kerjaya sebagai seorang kaunselor adalah profesion yang profesional. Menurut Kod Etika Kaunselor (1994) etika adalah satu garis panduan tatalaku bagi kaunselor dan juga asas dalam menyelesaikan isu etika yang timbul dan dianggap menyeleweng daripada piawaian perlakuan profesional. Pendedahan dan